



# Cemburui isteri kekasih

## Terlanjur lahirkan bayi lelaki walaupun tahu buah hati sudah ada dua anak

### Soalan:

**S**AYA berusia 25 tahun dan berkenalan dengan kekasih pada awal 2005. Kekasih melayan saya dengan baik walaupun dia sudah beristeri dan mempunyai dua cahaya mata.

Saya pernah terlanjur dengan kekasih hingga melahirkan seorang bayi lelaki pada awal tahun ini. Bayi itu saya serahkan kepada keluarga angkat untuk menjaganya kerana keluarga sendiri tidak tahu mengenainya.

Masalah saya ini datang daripada diri sendiri yang kurang pengetahuan agama dan terlalu percaya kepada kekasih. Saya amat berterima kasih kepadanya kerana tidak lepas tangan dan melarikan diri apabila mendapat tahu saya mengandung malah sanggup menemani saya ke mana-mana sehingga hari saya bersalin.

Dia sanggup berulang-alik daripada rumah ke hospital untuk menemani saya hingga mengabaikan tanggungjawab untuk isterinya di rumah. Isteri kekasih saya itu tidak tahu mengenai suaminya ada kekasih lain.

Baru-baru ini kami bertengkar teruk disebabkan perasaan cemburu saya kepada isterinya dan memutuskan hubungan dengannya.

Saya diberi pilihan sama ada ibu bapa atau dia dan memilih ibu bapa kerana tidak mahu jadi anak derhaka walaupun hati saya hancur.

Sampai sekarang saya tidak dapat melupakan dia.

Setiap malam sebelum tidur dan terjaga dari tidur wajah anak saya dan dia sentiasa bermain di mata.

Saya terseksa amat sangat. Saya teramat cintakan dan rindukannya. Dia selalu membuat hati saya gembira setiap hari walaupun kami selalu bertengkar. Kadangkala timbul rasa cemburu yang amat sangat apabila dia bersama isterinya.

Tapi hati saya amat jahat sehingga berusaha keras untuk membuatkan dia bercerai dengan isterinya.

Baru-baru ini saya ugut dia untuk menceritakan segalanya kepada isterinya mengenai perhubungan kami. Terdetik di hati saya, kalau tahu sakitnya hati bila putus cinta, saya tidak mahu berkenalan dengan kekasih. Saya tahu dia juga tidak akan memperisterikan saya sebab masa depan anak-anak dia. Harap Dr dapat membantu saya.

BUNTU,  
Kuala Lumpur

### Jawapan:

**D**R amat memahami penderitaan adik apabila tidak dapat memiliki orang disayangi. Begitu juga apabila terpaksa melalui banyak kesukaran dan konflik dalam menempuh alam percintaan.

Dr juga memahami bukannya mudah untuk adik melupakan kekasih kerana ikatan rasa dan perasaan yang sudah terjalin lama. Apatah

lagi, perasaan itu diikat dengan kelahiran seorang anak. Semoga derita dan kesan percintaan adik alami boleh menjadi pengajaran kepada adik dan gadis lain.

Seorang gadis perlu menyedari bercinta dengan suami orang mempunyai banyak risikonya. Oleh itu, adalah lebih baik berhati-hati dan cuba untuk tidak terbabat dalam percintaan dengan suami orang pada peringkat awal.

Cinta perlu dilandasi dengan batasan moral dan agama. Sikap bertanggungjawab amat perlu dalam bercinta. Begitu juga, orang bercinta perlu mempunyai sifat memberi dan menerima. Bukannya dibaluti naluri ingin mengawal dan memiliki penuh cinta orang disayangi.

Walaupun adik mengalami banyak liku percintaan yang memberi tekanan, Dr menyoal adik akan menemui sinar kegembiraan dalam hidup. Ada pepatah mengatakan 'Setiap kehidupan adalah sebuah drama' dan penuh dengan cerita gembira, duka dan dugaan. Adik perlu kuatkan semangat untuk melalui saat sukar kehidupan ini.

Adik juga sudah menyedari kesilapan disebabkan kurang pendidikan agama dan terlalu percayakan kekasih. Kesedaran ini diharapkan dapat menjadikan adik lebih kuat dan cuba memperbaiki kesilapan.

Masalah percintaan adik dengan kekasih adik turut

**Berbincang dalam situasi penuh dengan kepercayaan dan saling bertanggungjawab. Jauhkan sifat bela diri yang tinggi, perasaan cemburu dan tamak pada diri dan perasaan terlalu ingin memiliki cinta seorang lelaki ketika adik dan kekasih mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini. Lihat kepada segala pilihan dan baik buruk setiap pilihan.**

membabitkan pihak lain yang amat rapat dengan seperti anak dan ibu bapa serta isteri dan anak kekasih.

Oleh itu sebarang keputusan perlu mengambil kira keadilan dan kebajikan pihak ini. Mereka tidak wajar dijadikan mangsa akibat daripada tingkah laku adik dan kekasih.

Dalam masalah adik, konflik timbul akibat perasaan tidak mempercayai, terlalu ingin memiliki, sifat cemburu keterlaluan terhadap isteri kekasih, syak wasangka, tidak berterus terang dan sikap tidak bertanggungjawab.

Sifat ini jika boleh dikurangkan sedikit demi sedikit boleh mengurangkan tekanan dan konflik percintaan yang dialami.

Sifat terlalu cemburu adik kepada kekasih apabila be-

rada dengan isterinya hanya akan memakan diri. Mereka adalah suami isteri dan memang wajar hidup bersama. Suami yang bertanggungjawab perlu melayani isteri sebaiknya.

Adik tidak boleh menafikan hakikat ini. Isteri kekasih mempunyai hak ke atas masa dan tanggungjawab suaminya.

Dr juga tidak mengetahui sejauh mana perasaan sayang dan bertanggungjawab kekasih terhadap adik. Berdasarkan cerita, dia seorang yang bertanggungjawab hingga menjaga adik melahirkan sewaktu melahirkan anak.

Namun perasaan itu tidak cukup kuat untuk menjadikannya adik isterinya. Mungkin kekasih adik juga berada dalam kekeliruan atas apa yang perlu dilakukan dan tidak mempunyai keberanian memberitahu isterinya mengenai hubungan sulitnya.

Dr cadangkan adik dan kekasih berjumpa dan berbincang dalam situasi penuh dengan kepercayaan dan saling bertanggungjawab.

Jauhkan sifat bela diri yang tinggi, perasaan cemburu, tamak serta perasaan terlalu ingin memiliki cinta seorang lelaki ketika adik dan kekasih mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini. Lihat kepada segala pilihan dan baik buruk setiap pilihan.

Antara yang perlu dibincangkan ialah nasib anak adik. Apakah jalan terbaik

untuk membantu dia dari segi emosi, penjagaan dan masa depannya. Anak adik tidak wajar menjadi mangsa kepada kesan percintaan adik berdua.

Jika adik berterusan menyimpan rahsia dan seolah-olah menafikan kewujudan anak dalam hidup, ada beberapa implikasinya.

Antaranya ialah kemungkinan perasaan bersalah akan sentiasa menyelubungi adik. Anak itu adalah anak adik bersama kekasih.

Dia berhak dijaga dengan penuh kasih sayang seorang ibu dan ayah.

Anak adik berhak mengetahui siapa ayah dan ibu sebenarnya. Begitu juga, dengan ibu bapa adik. Sebagai ibu bapa, mereka wajar diberitahu keadaan sebenar. Kasih sayang mereka kepada adik tiada batasan.

Tuliskan baik buruknya setiap strategi yang diambil. Apapun keputusan diambil, ia perlu mengambil kira semua pihak terbabat dengan rasa tanggungjawab.

Dr rasa masanya belum terlambat untuk membaiki keadaan. Adik dan kekasih perlu berani bertanggungjawab dan berani menghadapi segala kesan daripada keputusan diambil.

Apa yang berlaku kepada diri adik wajar dijadikan pengajaran untuk tidak lagi melakukan kesilapan.

Dr doakan yang terbaik untuk adik.